

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA / LEMBAGA BIDAN MALAYSIA (LJM / LBM)
UNIT PEPERIKSAAN**

TERMA RUJUKAN

PANDUAN UNTUK PENGETUA DAN PENGAJAR

A. SILA PASTIKAN SEMUA MAKLUMAT PADA BORANG – BORANG SEPERTI BERIKUT DILENGKAPKAN DENGAN BETUL DAN TEPAT

1. Borang Permohonan Menduduki Peperiksaan LJM / LBM (BKJ-BOR-PEP-05-01 Pin.2/2017) – yang mengandungi:
 - 1.1 **Bahagian A** - Biodata Pelatih.
 - 1.2 **Bahagian B** - Syarat-Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan LJM/LBM.
 - 1.3 **Bahagian C** - Dokumen Sokongan.
 - 1.4 **Bahagian D** - Bayaran Yuran Peperiksaan.
 - 1.5 **Bahagian E** - Pengesahan Pelatih dan Dekan/Pengarah/Pengetua/Ketua Program.

Sila pastikan bayaran daripada calon dibuat secara **kelompok** dengan kiriman **Wang Pos / Bank Draf** kepada:

**Setiausaha
Lembaga Jururawat Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E1, Parcel E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA**

Bayaran Tunai atau Cek Persendirian Tidak Diterima.

1.6 **Bahagian B - Syarat-Syarat Kelayakan Menduduki Peperiksaan LJM/LBM.**

Sila beri perhatian kepada syarat kelayakan yang berikut semasa membuat pengesahan.

- a. Calon telah menjalani tempoh latihan yang ditetapkan.
- b. Calon telah memperolehi 85% teori dan 100% kehadiran klinikal praktis.
- c. Calon telah lulus peperiksaan berkala peringkat institusi/kolej dengan minima **CGPA 2.0/LULUS**.
- d. Calon telah memperolehi 100% bagi tatacara *core competency* di dalam buku log.
- e. Tidak melebihi jumlah cuti sakit yang ditetapkan.
- f. Calon sihat dari segi fizikal dan mental.
- g. Calon berkelakuan baik dan tiada tindakan tatatertib.
- h. Calon telah lulus subjek MQA (Universiti Awam / IPTS)

1.7 **Bahagian C- Pengesahan Pencapaian Kemahiran Rekod Pengalaman.**

Pengesahan Pencapaian Kemahiran Rekod Pengalaman adalah tertakluk pada:

**AKTA JURURAWAT 1950, PERATURAN-PERATURAN
PENDAFTARAN JURURAWAT 1985 JLD. 29 NO.22
BERTARIKH 31 OKTOBER 1985, BAHAGIAN III, PARA 15(2),
M/S 2033) DAN BUKU *STANDARD OPERATING PROCEDURES FOR
FOR APPROVAL / ACCREDITATION OF NURSING PROGRAMMES***

- a. Calon telah mencapai kemahiran sebagaimana yang ditetapkan di dalam buku rekod pengalaman (*Log Book*).
 - i. Memperoleh 100% dalam pengalaman klinikal / senarai tatacara kemahiran yang telah ditetapkan semasa latihan dan 85% teori.
 - ii. Memperoleh 85% dari prosedur-prosedur di dalam buku rekod pengalaman pelatih.
 - iii. Memperolehi 80% dalam teori.

2. Lengkapkan borang **BKJ-BOR-PEP-05-01 Pin.2/2017** dan borang ini hendaklah ditandatangani oleh Dekan/Pengarah/Pengetua/Ketua Program Kejururawatan **DAN** sertakan salinan Kad Pengenalan / Pasport, Dokumen dan Sijil yang berkaitan mengikut program.

3. Borang **BKJ-BOR-PEP-05-02 Pin.2/2017** - Maklumat Penuh Pelatih.
 - 3.1. Lengkapkan borang **BKJ-BOR-PEP-05-02 Pin.2/2017**:
 - i. Susun senarai nama calon mengikut **TAJAAN, KUMPULAN DAN ABJAD**.

 - ii. **Asingkan senarai calon tajaan KKM dan Swasta di helaian borang BKJ-BOR-PEP-05-02 Pin.2/2017 yang berlainan.**

 - iii. **Tulis** nombor Kad Pengenalan / Pasport terbaharu dan nama dengan **HURUF BESAR MENGIKUT EJAAN SEPerti DI DALAM KAD PENGENALAN / PASPORT.**

 - 3.2. Cuti sakit yang diambil selama latihan tidak melebihi jumlah cuti sakit yang telah ditetapkan dalam kurikulum latihan.

 - 3.3. Hantar laporan pengesahan gantian cuti sakit calon secara bertulis sebulan sebelum peperiksaan bagi calon yang berkaitan.

 - 3.4. Borang perlu ditandatangani oleh Dekan/Pengarah/Pengetua/Ketua Program Kejururawatan.

 - 3.5. Pastikan maklumat ini dikemaskini dan jumlah calon yang tersenarai di dalam borang adalah sama seperti dalam **Sistem Pengurusan Maklumat Jururawat (SPMJ)**.